

03/11/2002

Melayu maju jika kuasai bahasa Inggeris

PERMATANG PAUH: Orang Melayu mampu maju dan setanding dengan bangsa lain jika mereka bersungguh-sungguh menguasai bahasa ilmu terutama bahasa Inggeris, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, orang Melayu ketika ini ketinggalan dan tidak maju berbanding bangsa lain kerana penguasaan ilmu yang mereka miliki terlalu cetek.

Katanya, orang Melayu harus sedar dan insaf berikutan pencapaian serta kemajuan mereka agak ketinggalan berbanding kaum lain disebabkan kegagalan mereka menguasai ilmu, berbanding kaum Cina di negara ini.

Beliau berkata, satu daripada punca orang Melayu tidak menguasai ilmu disebabkan mereka tidak menguasai bahasa asing terutama bahasa Inggeris yang menjadi sumber ilmu dalam pelbagai bidang.

"Sebab itu, kerajaan mahu generasi muda mempelajari bahasa Inggeris terutama dalam subjek Sains dan Matematik yang menjadi asas kepada penguasaan pelbagai ilmu,

"Walaupun kita mempelajari bahasa Inggeris itu tidak bermakna kita mengetepikan bahasa kebangsaan," katanya ketika berucap pada majlis perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat peringkat Pulau Pinang, di Maktab Perguruan Tuanku Bainun, Bukit Mertajam, di sini semalam.

Lebih 20,000 orang terutama penduduk dalam Parlimen Permatang Pauh daripada pelbagai kaum membanjiri padang maktab berkenaan menyambut ketibaan Perdana Menteri.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, timbalannya, Datuk Dr Hilmi Yahaya.